



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 27 SEPTEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KPKM LULUS RM300,000 LABUH UNJAM DI SEKITAR LUAR TAMAN LAUT MELAKA, BERNAMA -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	'MUNGGOH' KARKAS BABI PADA WAKTU MALAM HARI TERTENTU, LOKAL, HM -3	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	12 TUKUN TIRUAN TINGKAT STOK IKAN PULAU DODOL, DALAM NEGERI, UM -36	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	RM3 JUTA BINA KILANG AIS DI KOMPLEKS LKIM, DALAM NEGERI, UM -36	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
5.	PESAWAH KAWASAN LPP DI KEDAH RUGI RM13.5 JUTA AKIBAT BANJIR, BERNAMA -ONLINE	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
6.	ROSAK, MUKA DEPAN, UM -1	
7.	TERKEDU LIHAT PADI MUSNAH DITENGGELEMI BANJIR, DALAM NEGERI, UM -34	
8.	RUGI RM13.5 JUTA AKIBAT BANJIR, NEGARA, KOSMO -14	
9.	972 PESAWAH LPP RUGI RM13.5j, LOKAL, HM -8	
10.	30,000 TAN PADI TAK DAPAT DITUAI, PESAWAH RUGI RM50j, NASIONAL, BH -18	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
11.	SUMBANG SEMULA KEPADA MASYARAKAT, LOKAL, HM -8	AGROBANK
12.	PESAWAH, BELIA LEGA MASALAH BEKALAN BAJA LEWAT SELESAI, DALAM NEGERI, UM -32	LAIN-LAIN
13.	TINGGALKAN KL, PULANG BERTANI DI KAMPUNG, NEGARA, KOSMO -18	
14.	CIMB ISLAMIC PERKASA PETANI ASNAF DI KEDAH, NIAGA, KOSMO -38	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)



Malay

taip untuk carian

WILAYAH - SELATAN > BERITA

KPKM Lulus RM300,000 Labuh Unjam Di Sekitar Luar Taman Laut Melaka

🕒 26/09/2024 04:35 PM



Kerja-kerja melabuhkan unjam giat dilakukan pada Program Melabuh Tukun Tiruan (Konservasi) Perairan Pulau Dodol, hari ini. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) meluluskan peruntukan sebanyak RM300,000 bagi program melabuhkan unjam di luar sekitar perairan Taman Laut Melaka. --fotoBERNAMA (2024) HAK CIPTA TERPELIHARA

MELAKA, 26 Sept (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) meluluskan peruntukan sebanyak RM300,000 bagi program melabuhkan unjam di luar sekitar perairan Taman Laut Melaka.

Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri Datuk Dr Muhamad Akmal Saleh berkata program itu dijangka dilaksanakan pada November depan dan kini dalam proses

"Kerajaan negeri prihatin dengan aduan dan keluhan daripada nelayan mengenai kekangan mereka untuk menangkap hasil laut berikutan aktiviti perikanan adalah dilarang sama sekali di kawasan terbabit selepas diwartakan pada tahun lepas.

"Justeru kita memohon peruntukan daripada KPKM untuk melabuhkan unjam di luar kawasan itu dalam usaha menambah sumber perikanan sekali gus memudahkan nelayan menangkap hasil laut," katanya kepada pemberita selepas Program Melabuh Tukun Tiruan (Konservasi) Perairan Pulau Dodol di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah Perikanan negeri Saufi Affandi Talib.

Dr Muhamad Akmal berkata Taman Laut Melaka meliputi jarak satu batu nautika di kawasan perairan sekeliling pulau yang diwartakan iaitu Pulau Dodol, Pulau Nangka dan Pulau Undan.

Dalam pada itu, beliau berkata pada program berkenaan, sebanyak 12 tukun tiruan dasar lembut penghalang pukut tunda (konservasi) bernilai RM374,510 dilabuhkan di perairan Pulau Dodol.

"Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT) bersama Pejabat Perikanan Melaka menjalankan kajian kesesuaian tapak dan hasil daripada kajian itu, hanya terdapat satu lokasi bersesuaian untuk dilabuhkan tukun tiruan itu iaitu di perairan Pulau Dodol.


"Selain itu, sejak dari 2008 sehingga kini, sebanyak 78 unit tukun tiruan dilabuhkan di kawasan perairan Pulau Besar dan perairan Taman Laut Melaka dengan nilai lebih RM1.5 juta," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Muhamad Akmal berkata Jabatan Perikanan negeri juga dalam perancangan memusatkan kaunter pembelian tiket bot ke Taman Laut Melaka di satu jeti sahaja bagi memudahkan pelancong yang datang.

Beliau berkata sehingga kini terdapat tiga jeti berlainan yang menawarkan perkhidmatan pengendali bot bagi perjalanan ke Taman Laut Melaka.

"Sejak Januari hingga Ogos juga, terdapat seramai 2,911 pengunjung datang ke Taman Laut Melaka dan kita akan mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak lain bagi memastikan usaha ini dapat dijayakan," katanya.

-- BERNAMA



BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#), [@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

KATA KUNCI

perikanan

tukun

unjam

perairan

taman laut

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2024	HARIAN METRO	LOKAL	3



'Munggoh' karkas babi pada waktu malam hari tertentu

Tumpat: Aktiviti 'munggoh' (memunggah) karkas babi dijalankan pada waktu malam pada hari tertentu bergantung kepada pintu pagar pangkalan di Thailand.

Mendedahkan perkara itu, sumber berkata, kegiatan itu tidak berlaku setiap hari memandangkan risiko yang tinggi.

"Kemasukan barang ini berlaku pada hari tertentu, terdapat 'broker' atau orang tengah yang akan menguruskan aktiviti penyeludupan daripada sempadan.

"Jika ada aktiviti ini, lori akan menunggu di Stesen Bas Rantau Panjang dan akan mengambil karkas babi di pangkalan yang ditetapkan," katanya.

Menurutnya, aktiviti itu sudah lama berlaku malah sudah banyak operasi tangkapan yang dilakukan namun ia masih berlaku.

"Pasaran mereka adalah di Lembah Klang, Perak dan Johor, lori pengangkut akan bergerak pada waktu ma-

lam.

"Ada masanya mereka turut membawa daging ayam bersama dengan karkas babi di dalam lori berkenaan," katanya.

Sementara itu, tinjauan wartawan di stesen bas berkenaan mendapati ada sebuah lori yang diparkir berhampiran dipercayai untuk mengambil barangan yang diseludup.

Namun pemandu lori berkenaan melarikan diri ketika melihat kamera yang dipegang wartawan.

Sebelum ini, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) memaklumkan akan mengambil perhatian serius berkaitan perkara itu kerana ia memberi kesan dalam aspek kawalan penyakit berpunca daripada ternakan terutama penyakit African Swine Fever (ASF) yang boleh menjejaskan industri penternakan babi.

"Tindakan tegas akan diambil terhadap pengimport, penyimpan dan penjualan karkas babi bagi memastikan pengimportan karkas babi adalah dari negara dibenarkan di bawah Subseksyen 5(1)(b), Akta Binatang 1953 [Akta 647].

"JPV akan terus memperingkatkan tindakan penguatkuasaan ber-

"Pasaran mereka adalah di Lembah Klang, Perak dan Johor"
Sumber

kaitan perkara ini dan turut menjalin hubungan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Tindakan bersepadu akan membolehkan pemeriksaan premis penyimpanan produk sejuk beku, pemprosesan makanan berasaskan babi, penjualan karkas babi dan restoran," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	36



MUHAMMAD AKMAL SALEH

12 tukun tiruan tingkat stok ikan Pulau Dodol

JASIN: Sebanyak 12 tukun tiruan (konservasi) yang dilabuhkan di perairan Pulau Dodol di Taman Laut Melaka, akan memulihara tempat pembiakan dan habitat serta menambah populasi ikan di kawasan tersebut.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri, Datuk Dr. Muhammad Akmal Saleh berkata, tukun bernilai RM374,510 juga memastikan pertambahan stok sumber perikanan berada pada ekosistemnya.

Menurutnya, sejak 2008 sehingga kini, sebanyak 78 tukun tiruan telah dilabuhkan di kawasan perairan Pulau Besar dan Taman Laut Melaka dengan nilai RM1.5 juta.

"Kita labuhkan tukun tiruan ini untuk menjaga taman laut kerana mempunyai batu karang yang sangat cantik serta spesies ikan yang jarang-jarang ditemui. Tukun ini akan dapat memulihara habitat ikan dan memastikan peningkatan sumber perikanan."

"Sebelum ini tukun yang telah dilabuhkan mendatangkan hasil ikan yang besar dan penjagaan batu karang," katanya pada Program Melabuhkan Tukun Tiruan di perairan Pulau Dodol, semalam.

Tambah Muhammad Akmal, kerajaan negeri melalui Jabatan Perikanan akan melabuhkan unjam di luar kawasan Taman Laut Melaka November ini.

Jelasnya, peruntukan sebanyak RM300,000 telah diluluskan bertujuan meningkatkan sumber perikanan kepada nelayan setempat, selepas mereka dilarang menangkap ikan di kawasan diwartakan.

RM3 juta bina kilang ais di Kompleks LKIM

BESUT: Lebih 800 nelayan di daerah ini lega masalah bekalan ais kurang di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Kuala Besut bakal diatasi dengan pembinaan sebuah kilang ais baharu di sini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Besut, Tengku Harun Tengku Ismail berkata, bekalan ais yang secukupnya diperlukan nelayan bagi menjamin kesegaran ikan tangkapan.

Menurutnya, kilang ais baharu berharga RM3 juta itu berkapasiti 50 tan metrik itu mampu menghasilkan 374 blok ais sehari.

Katanya, pembinaan kilang ais tersebut merupakan tambahan kepada kilang ais sedia ada berkapasiti 53 tan metrik dan mampu menghasilkan 390 blok ais sehari yang beroperasi sejak tahun 2014.

"Pembinaan kilang ais baharu ini bagi mengatasi rungutan



KILANG ais lama yang beroperasi untuk menampung keperluan bekalan ais kepada nelayan di Kompleks LKIM Kuala Besut, Besut. - UTUSAN/ ZAIID MOHD. NOOR

nelayan tempatan sebelum ini yang tidak mendapat bekalan ais mencukupi sehingga menje-

jaskan kadar pendaratan ikan di daerah ini.

"Selain itu, pemborong ikan

juga tidak akan berhadapan masalah kekurangan ais bagi pembungkusan hasil tangkapan laut untuk eksport," katanya ketika dihubungi, semalam.

Kelmarin, Pengerusi LKIM, Muhammad Faiz Fadil merasmikan majlis pecah tanah kilang ais baharu di Kompleks LKIM Kuala Besut di sini.

Tengku Harun berkata, pihaknya difahamkan pembinaan kilang ais baharu itu dijangka siap dan boleh beroperasi pada tahun depan.

Malah, katanya, pengeluaran ais di kilang baharu dan lama itu menjadikan PNK Besut bakal memiliki kilang ais untuk nelayan terbesar dan termoden di negara ini.

"Kilang ais baharu itu akan menggunakan teknologi mesin ais blok penyejukan secara langsung yang bukan sahaja termoden malah lebih menjimatkan kos," ujarnya.



Malay

taip untuk carian

AM

Pesawah Kawasan LPP Di Kedah Rugi RM13.5 Juta Akibat Banjir

🕒 26/09/2024 02:50 PM



Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar (empat, kiri) meninjau keadaan sawah yang tenggelam dalam kejadian banjir di Kampung Paya Tok Teh hari ini.

JITRA, 26 Sept (Bernama) -- Seramai 972 pesawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di negeri ini mengalami kerugian kira-kira RM13.5 juta selepas kawasan tanaman padi seluas lebih 1,500 hektar ditenggelami banjir.

Pengerusi LPP Datuk Mahfuz Omar berkata Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Asun di sini antara yang terjejas teruk dengan 367 hektar sawah terkesan yang melibatkan 189 pesawah.

"Menyedihkan apabila tanaman yang terlibat berusia antara 85

sedangkan padi tak memberi hasil untuk menampung kos operasi akan datang.

"Saya difahamkan, PPK Asun di luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) menghasilkan padi yang elok, bagi saya 1.8 tan metrik serelong (0.28 hektar) adalah tinggi dan menghampiri kawasan jelapang (MADA), saya harap mereka bersabar dengan ujian Allah ini," katanya kepada pemberita di sini hari ini

Terdahulu, beliau menyampaikan bantuan bakul makanan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui LPP kepada mangsa banjir di Kampung Paya Tok Teh di sini.

Mahfuz berkata sehingga kini kerja-kerja bancian sedang dijalankan pihak Jabatan Pertanian bagi mentafsir kerugian dihadapi petani sebelum menetapkan jumlah pampasan kepada mereka.

Beliau berkata kerjasama semua pihak khususnya para petani amat diperlukan bagi melancarkan proses bancian itu.

"Saya harap Jabatan Pertanian cepat melakukan bancian sebelum diangkat kepada pihak KPKM dan kepada Kementerian Kewangan bagi mendapatkan peruntukan untuk ganti rugi kepada petani.

"Kita tunggu banci dulu, ia agak ambil masa kerana petani perlu isi borang dan mendapat pengesahan daripada Jabatan Pertanian, kerana kerajaan tidak boleh semberono saja dan perlu mengambil masa dan perlu ada penelitian," katanya.

Sementara itu, seorang pesawah Arman Majid, 58, berkata lebih 10.93 hektar sawahnya tenggelam akibat banjir dan berharap bantuan ganti rugi yang sewajarnya dapat diberikan bagi menampung kerugian dialami.

"Harap dapat bantuan ini, sekurang-kurangnya lepas lah duit sewa traktor dengan mesin padi, sekarang ini risiko kita yang

tanggung, dengan mesin, traktor dan benih pun naik harga, kalau nak ikutkan memang tak berbaloi bila jadi macam ni.

"Apa pun kami terpaksa kena ambil (tuai) padi ini untuk kami usahakan bagi musim baharu nanti, biasa dulu pun dah banjir habis tenggelam padi ni...padi tu dibuang saja, bagi makan ayam, dah tak boleh nak jual," katanya.

-- BERNAMA

BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).

Ikuti kami di media sosial :

Facebook : [@bernamaofficial](#), [@bernamatv](#), [@bernamaradio](#)

Twitter : [@bernama.com](#), [@BernamaTV](#), [@bernamaradio](#)

Instagram : [@bernamaofficial](#), [@bernamatvofficial](#), [@bernamaradioofficial](#)

TikTok : [@bernamaofficial](#)

KATA KUNCI

banjir

mahfuz

lpp

kerugian

pesawah

BERITA BERKAITAN



Tiga Lagi PPS Ditutup, Mangsa Banjir Di Kedah Berkurangan Kepada 609 Orang

🕒 11jam lalu

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2024	UTUSAN MALAYSIA	MUKA DEPAN	1



Rosak

PESAWAH yang mengalami kerugian besar, Arman Majid, 58, hanya mampu melihat padi yang sudah sedia untuk dituai musnah akibat banjir yang melanda di Kampung Paya Tok Teh, Jitra, Kubang Pasu, semalam. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN (Berita di muka 34)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	34

Terkedu lihat padi musnah ditenggelami banjir

KUBANG PASU: “Saya hanya tunggu giliran mesin padi masuk untuk menuai kerana semuanya telah masak, tapi segalanya musnah dan saya tak tahu macam mana nak bayar duit sewa tanah sawah.”

Demikian keluh Murni Majid, 60, apabila terkedu melihat kesemua 4.5 hektar sawah padi di Kampung Paya Tok Teh yang disewanya musnah akibat ditenggelami banjir, baru-baru ini.

Menurut wanita berstatus ibu tunggal itu, dia dan rakan-rakan petani yang senasib amat mengharapkan bantuan daripada kerajaan untuk membantu mereka berdepan ujian itu.

“Apabila jadi begini, memang sedih sangat kerana saya sendiri ibu tunggal dan perlu tanggung keperluan seorang anak yang masih menuntut di Universiti Malaysia Perlis,” ka-

tanya ketika ditemui pemberita, semalam.

Terdahulu, Murni antara penerima bakul makanan sumbangan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) yang disampaikan oleh Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar.

Mustafa Dun, 74, dari Kampung Biak pula berkata, dia sedih melihat sawah diusahakannya ditenggelami air dua kali dalam tempoh seminggu.

“Selain sawah, rumah saya turut ditenggelami banjir yang menyebabkan beberapa barangan seperti karpet dan almari rosak.

“Berapa hasil yang akan saya peroleh dari sawah itu nanti pun tak tahu kerana kami juga perlu bayar upah bajak serta mesin jentuai bagi mengeluarkan padi yang rosak,” katanya.



PESAWAH tertekan kerana terpaksa mengeluarkan belanja sewa jentera untuk menuai padi yang rosak ditenggelami banjir.

- UTUSAN/SHAHIR NOORDIN



(foto Wan Nabil Nasir/BH)

Kecamatan sawah padi selepas seminggu ditenggelami banjir di kampung Alor Berah, Pendang.

30,000 tan padi tak dapat dituai, pesawah rugi RM50j

MADA anggar 6,000 hektar sawah dinaiki air

Oleh Noorazura Abdul Rahman
blnews@bh.com.my

Alor Setar: Banjir di utara dianggarkan mengakibatkan kira-kira 30,000 tan hasil padi terjejas dengan kerugian lebih RM50 juta kepada petani.

Pengerusi Pertubuhan Pesisir Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob, berkata jumlah itu diaksir berdasarkan bincangan MADA yang menganggarkan hampir 6,000 hektar sawah di Kedah dan Perlis dinaiki air.

"Kawasan MADA mempunyai 100,000 hektar sawah dan terda-

pat 30,000 hektar lagi di luar kawasan MADA. Dianggarkan 6,000 hektar sawah dinaiki air dengan kerugian sehingga 30,000 tan hasil padi.

"Jumlah itu bersamaan nilai RM50 juta berdasarkan harga pembelian padi hari ini, iaitu RM1,800 satu tan oleh pengilang padi swasta dan purata hasil padi lima metrik tan setiap hektar."

Abdul Rashid berkata, pihaknya bimbang kerosakan hasil padi boleh mencecah hingga 7,000 hektar secara keseluruhan berikutan petani di Pulau Pinang turut terjejas banjir. Bencana banjir minggu lalu, menjelaskan pendapatan petani berikutan kebanyakan padi hanya menunggu masa untuk dituai.

"Kerosakan tidak begitu teruk pada 2005 dan 2010 kerana banjir ketika penanaman padi berada

di peringkat awal. Kali ini, banjir melanda ketika tanaman hampir dituai," katanya.

Kerosakan baki 433 petani

Sementara itu, Timbalan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang negeri (LPP), Nor Rahila Mohd Yusof, berkata 1,280 hektar sawah di bawah agensi berkenaan terjejas banjir. Bertasarkan tinjauan pada 19 September, kerosakan dilaporkan di 64 unit petani di seluruh negeri membabitkan 853 petani.

"Kami menganggarkan kerugian petani yang terjejas RM11.34 juta berdasarkan 6,300 tan hasil padi yang rosak akibat banjir dan harga pembelian RM1,800 setiap metrik tan oleh pengilang padi," katanya.

Nor Rahila berkata, terdapat 19,611 petani di bawah agensi berkenaan yang mengusahakan lebih 34,000 hektar sawah di Kedah.

Jumlah itu bersamaan nilai RM50 juta berdasarkan harga pembelian padi hari ini, iaitu RM1,800 satu tan oleh pengilang padi swasta dan purata hasil padi lima metrik tan setiap hektar



Abdul Rashid Yob,
Pengerusi
PeSAWAH

1,500 hektar sawah milik 972 petani tunggu hari dituai alami kerosakan

Rugi RM13.5 juta akibat banjir

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI

JITRA – Seramai 972 petani yang mengusahakan sawah dalam wilayah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di negeri ini mengalami kerugian RM13.5 juta akibat banjir baru-baru ini.

Pengerusi LPP, Datuk Mahfuz Omar berkata, semakan setakat ini mendapati terdapat lebih 1,500 hektar sawah di wilayah tersebut terkesan akibat banjir.

Lebih menyedihkan katanya, kebanyakan padi hanya menunggu hari untuk dituai.

"Angka itu merupakan anggaran semata-mata dan belum diperincikan oleh Kementerian melalui banci. Kebanyakan padi sudah mencapai 'umur' yang boleh dituai iaitu antara 85 hingga 100 hari kecuali di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Ketil yang mana usia padinya baru mencecah 14 hari.

"Tinjauan saya sendiri mendapati, kebanyakan padi-padi itu rosak. Ada juga padinya nampak elok, tetapi tiada isi kerana air menenggelami sawah," katanya.



MAHFUZ (tiga kanan) meninjau keadaan sebahagian kawasan tanaman padi yang sudah sedia untuk dituai musnah akibat ditenggelami banjir di Kampung Paya Tok Teh, Jitra semalam.

Bellau berkata demikian pada sidang akhbar pada Majlis Penyampaian Sumbangan Bakul Makanan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) kepada petani yang terjejas akibat banjir dalam PPK

"Apabila sampai ke kilang pula, pasti ada potongan harga melalui pemeriksaan mutu atau kualiti padi. Jadi berapa sangatlah wang yang akan mereka peroleh," ujarnya.

Mengulas lanjut katanya, PPK

Asun merupakan antara kawasan yang teruk terjejas melibatkan 20 daripada keseluruhan 27 unit PPK, berkeluasan 367 hektar.

"Keseluruhannya di kawasan ini terdapat 189 pesawah terjejas. Sayangnya lokasi ini merupakan antara kawasan yang mampu mengeluarkan hasil tinggi di Kedah dengan setiap relung (0.3 hektar) mampu menghasilkan 1.8 tan," katanya.

Beliau dalam pada itu turut mengharapkan agar petani memberi kerjasama terhadap banci dijalankan pihak kementerian bagi membolehkan mereka menerima setiap bantuan yang akan diberikan kerajaan selepas ini.

"Kita harap pihak Jabatan Pertanian akan cepat melakukan proses banci dan petani dapat memberi kerjasama sepenuhnya dengan memberi maklumat tepat.

"Diharap kalangan pesawah bersabar untuk mengikut proses ditetapkan dan menanti kerana perkara ini perlu dilaksanakan secara terperinci," tambahnya.

972 pesawah LPP rugi RM13.5j

Jitra: Seramai 972 pesawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) di negeri ini mengalami kerugian kira-kira RM13.5 juta selepas kawasan tanaman padi seluas lebih 1,500 hektar ditenggelami banjir.

Pengerusi LPP Datuk Mahfuz Omar berkata Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Asun di sini antara yang terjejas teruk dengan 367 hektar sawah terkenan yang membabitkan 189 pesawah.

"Menyedihkan apabila tanaman yang terbabit berusia antara 85 hingga 100 hari, hanya tunggu dituai... petani kini dalam dilema kerana terpaksa tuai juga untuk nak bajak semula sa-

wah, sedangkan padi tak memberi hasil untuk menampung kos operasi akan datang.

"Saya difahamkan, PPK Asun di luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) menghasilkan padi yang elok, bagi saya 1.8 tan metrikserelong (0.28 hektar) adalah tinggi dan menghampiri kawasan jelapang (Mada), saya harap mereka bersabar dengan ujian Allah ini," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Terdahulu, beliau menyampaikan bantuan bakul makanan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui LPP kepada mangsa banjir di

Kampung Paya Tok Teh di sini.

Mahfuz berkata, sehingga kini kerja-kerja bancian sedang dijalankan pihak Jabatan Pertanian bagi menafsir kerugian dihadapi petani sebelum menetapkan jumlah pampasan kepada mereka.

Beliau berkata, kerjasama semua pihak khususnya para petani amat diperlukan bagi melancarkan proses bancian itu.

"Saya harap Jabatan Pertanian cepat melakukan bancian sebelum diangkat kepada KPKM dan kepada Kementerian Kewangan bagi mendapatkan peruntukan untuk ganti rugi kepada petani," katanya.



KEADAAN sawah padi selepas hampir seminggu ditenggelami banjir di Kampung Alor Bereh, Pendang. - Gambar NSTP/WAN NABIL NASIR

Sumbang semula kepada masyarakat

Program Kembara Kasih Asnaf Agrobank dengan kerjasama MAAB beri peluang kakitangan berbakti kepada orang ramai

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Terus komited menyantuni golongan asnaf, Agrobank mengambil inisiatif istimewa sempena sambutan ulang tahunnya yang ke-55 dengan melancarkan Program Kembara Kasih Asnaf.

Program yang dilaksanakan melalui kerjasama strategik MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB) ini bukan sahaja mempromosikan komitmen Agrobank terhadap tanggungjawab sosial korporat, tetapi memberi peluang kepada kakitangan berbakti kepada masyarakat.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, kembara Kasih ini adalah acara tahunan Agrobank dan begitu juga dengan sumbangan zakat asnaf ini.

Namun, tahun ini pihaknya menggabungkan dua program ini bukan saja untuk menambahkan lagi pengisiannya, tetapi menjadikan ia lebih bermakna.

Malah, katanya, kembara ini juga cukup istimewa kerana buat julung kalinya ia dilaksanakan dengan kerjasama MAAB.

"Kali ini, peserta Kembara Kasih Asnaf tidak hanya menikmati aktiviti riadah sepanjang perjalanan, tetapi juga dapat menunaikan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menyumbangkan semula kepada masyarakat di setiap lokasi dikunjungi.

"Selain itu, kembara ini juga inisiatif untuk memupuk silaturahmi dan memberi peluang kepada



PESEKTA konvoi bergambar pada Majlis Flag Off Kembara Kasih Asnaf AGROBANK di Lobi HQ Agrobank, Lebuhraya, Kuala Lumpur. - Gambar NSTP/MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

peserta jelajah motosikal membina rangkaian sosial antara satu sama lain.

"Oleh itu saya berharap semua peserta konvoi menimba pengalaman dengan selamat dan sampai ke destinasi dan menikmati setiap kilometer sepanjang perjalanan dan memupuk ikatan silaturahmi antara peserta," katanya ketika ditemui pada Majlis Flag-Off Kembara Kasih Asnaf Agrobank di pekarangan lobi utama Menara Agrobank.



TENGGU Ahmad Badli Shah mengertai konvoi menggunakan motosikal klasik sebagai gimmik ketika Majlis Flag Off Kembara Kasih Asnaf Agrobank.



"Selain itu, kembara ini juga inisiatif untuk memupuk silaturahmi dan memberi peluang kepada peserta jelajah motosikal membina rangkaian sosial antara satu sama lain"

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin

yang akan diberikan kali ini bernilai RM30,00 dan dimanfaatkan hampir 200 asnaf," katanya.

Sementara itu, Pengarah Urusan MyAngkasa Amanah Berhad (MAAB) Mohamad Darulnizam berkata, teruja dan bertuah kerana dipilih Agrobank menjadi rakan kolaborasi untuk Kembara Asnaf ini.

Katanya, sepanjang enam tahun jalinan kerjasama Agrobank dan MAAB ini, pihaknya dapat memberikan perkhidmatan pusingan, wasiat, harta sepencarian menerusi rangkaian Agrobank sepanjang program ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32



MOHD. Fitri Daniel Azhar mengambil upah membaja sawah di Kampung Sungai Manik di Pasir Salak.
- UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

Pesawah, belia lega masalah bekalan baja lewat selesai

PASIR SALAK: Masalah bekalan baja padi lewat untuk pesawah di Sungai Manik di sini berjaya diselesaikan. Ia bukan sahaja melegakan pesawah tetapi juga golongan belia kampung yang mengambil upah kerja-kerja sawah.

Masalah itu menyebabkan golongan belia yang bekerja kampung, hilang punca pendapatan apabila tidak mendapat kerja menabur baja di sawah.

Namun, mereka kini lega apabila bekalan baja yang dibekalkan kepada pesawah baru-baru ini membolehkan mereka kembali memperoleh upah.

Seorang belia di Sungai Ma-

nik di sini, Mohd. Fitri Daniel Azhar, 22, lega kerana kembali dapat upah meracun sawah di kampungnya.

Katanya, semasa tempoh menunggu bekalan baja, dia hanya mengambil upah meracun rumput untuk pesawah.

"Sebelum ini saya tak banyak dapat kerja membaja disebabkan pesawah tidak mendapat bekalan baja. Namun baru-baru ini pihak Nafas (Pertubuhan Peladang Kebangsaan) sudah menghantar bekalan baja.

"Secara tidak langsung ia memberikan saya banyak upah untuk membaja. Sebelum ini, memang tak banyak pesawah mengupah saya untuk mem-

baja kerana mereka menunggu bekalan baja.

"Upah membaja RM30 seekar dan dari pukul 7 pagi hingga 12 tengah hari saya boleh membaja sehingga lebih 20 ekar. Jika saya larat, saya akan sambung membaja pada sebelah petang.

"Saya bersyukur masalah kelewatan baja dapat diselesaikan sekaligus membolehkan saya mengambil upah membaja padi," katanya.

Pesawah sebelum ini lewat menerima bekalan baja akibat daripada kelewatan tawaran kontrak baharu, Surat Setuju Terima (SST) pembekalan baja kepada Nafas dan ia berjaya diselesaikan, baru-baru ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2024	KOSMO	NEGARA	18



NASARUDIN lebih selesa tinggal di kampung dan bercucuk tanam untuk menambah pendapatan keluarga.

Tinggalkan KL, pulang bertani di kampung

KAMPAR – Berpegang teguh kepada prinsip ingin berbakti kepada tanah menyebabkan seorang usahawan sayur-sayuran, Nasarudin Shamsudin mengambil keputusan pulang ke kampung halaman di Kampung Tualang Sekah, Malim Nawar di sini pada sembilan tahun lalu.

Ternyata keputusan yang diambil oleh ayah kepada tiga orang anak itu tepat apabila dia berjaya meraih pendapatan lumayan hasil tanaman pelbagai jenis sayuran.

“Saya cukup tenang berada di kampung dan bersyukur kerana boleh raih pendapatan sebanyak RM2,000 hingga

RM3,000 sebulan. Saya mengusahakan tanaman sayuran bendi, terung, timun dan petola selain menjualnya sendiri di Pasar Awam Tapah,” katanya di sini semalam.

Katanya lagi, situasi itu berbeza dengan kehidupannya di Kuala Lumpur sebelum ini walaupun pendapatannya bersama isteri mencecah lima angka.

“Terlalu sibuk di sana (Kuala Lumpur). Pergi kerja selepas solat subuh dan pulang lewat malam.

“Di sini (kampung) terasa ketenangan selain dapat menunaikan solat berjemaah di surau dan kerja mengikut masa kita,” katanya.

CIMB Islamic perkasa petani asnaf di Kedah

PETALING JAYA – CIMB Islamic Bank Berhad memperkukuh sokongan terhadap asnaf di Kedah melalui sumbangan berupa mesin jentera penuai padi bernilai RM298,000 kepada Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), di bawah program Smart Sawah Berskala Besar Asnaf.

Sumbangan itu menggunakan Dana Wakalah Zakat CIMB Islamic bagi meningkatkan kemahiran petani asnaf tempatan serta menangani isu keselamatan makanan nasional, sekaligus mengurangkan kos pengeluaran dan penyumbahan luar padi secara keseluruhan.

Peruntukan jentera itu dijangka menyediakan penjimatan yang ketara sehingga RM5,600 setahun kepada petani bagi setiap hektar.

Sebagai sebahagian daripada

AHMAD SHAHRIMAN
(kanan) dan Ketua Pegawai
Eksekutif LZNK, Datuk Syekh
Zakaria Othman bersama
mesin jentera penuai
padi yang disumbangkan
oleh CIMB Islamic
di Yan, Kedah.



kerjasama tersebut, para petani asnaf kini dapat menggunakan mesin jentera penuai padi pada hanya RM40 serelong, berbanding dengan penyewaan jentera tempatan yang biasanya mempunyai kos RM120 serelong.

Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Islamic, Ahmad Shahrman Mohd. Shariff berkata, pihaknya berbesar hati dapat membantu petani asnaf di negeri Kedah melalui kerjasama LZNK.

"Sebagai penyokong teras prinsip pengantaraan berasaskan nilai, kami berharap sumbangan ini akan meningkatkan kecekapan pengeluaran padi serta memberi penjimatan kos yang ketara, memperkasakan petani asnaf sekali gus menyediakan sumber pendapatan yang mampan untuk mereka," katanya dalam kenyataannya.